

# FKAL, Kumpulan Neurogine dan Dewan Perniagaan Labuan jalin kerjasama penyelidikan

UB 17.01.2024 P.08

**LABUAN:** Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kumpulan Neurogine dan Dewan Perniagaan Labuan (LCC) menandatangani Perjanjian Penyelidikan di sini, semalam.

Majlis yang julung kali diadakan itu berkait dengan kajian yang bertajuk 'Digital Readiness of Micro, Small, And Medium Enterprises (MSMES) In Labuan'.

Dekan FKAL, Professor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata, kajian itu merupakan sebahagian daripada komitmen Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UM-

SKAL) kepada komuniti perniagaan di WP Labuan.

Katanya, Dewan Perniagaan Labuan akan bertanggungjawab dalam proses pungutan data manakala Kumpulan Neurogine Bhd akan membiayai sebanyak RM5,000 untuk fasa pengetahuan digital Pembayaran Kod Pengecaman Pantas (QR).

"FKAL pula akan membentuk instrumen pungutan data, menganalisis data serta membuat laporan tahap Kesiediaan Digital Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PKS) di Labuan," katanya.

Majlis menandatangani perjanjian itu disempurnakan oleh Dekan FKAL, Profesor Madya Dr Geoffrey Har-

vey Tanakinjal, Pengerusi Kumpulan Neurogine, Chen Chee Peng dan Presiden Dewan Perniagaan Labuan, Daniel Doughty.

Majlis itu disaksikan Timbalan Dekan Akademik FKAL, Dr. Ricky Chia Chee Jiun, Ahli Lembaga Penasihat Kumpulan Syarikat Neurogine, Dato' Paduka SAC Mohd Sakri Arifin (B) dan Setiausaha Dewan Perniagaan Labuan, Raymund Pang Onn Phin.

Dr Geoffrey berkata, antara sebab utama sesebuah universiti ditubuhkan adalah untuk memberi sumbangan kepada komuniti setempat. Kajian ini akan mengambil masa enam bulan untuk



**KERJASAMA:** Dr Geoffrey (tengah), Chen Chee Peng (tiga kiri) dan Daniel Doughty (dua kanan) menandatangani Perjanjian Penyelidikan di UMSKAL pada Selasa.

dilengkapkan dan bakal memberikan gambaran tentang tahap ketersediaan sya-

rikat PKS yang beroperasi di WP Labuan.

Hasil daripada kajian ini

juga, para peniaga di WP Labuan akan lebih terdedah dan bersedia untuk menggu-

nakan teknologi Pembayaran Kod Pengecaman Pantas (QR).